



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MAKLUM BALAS LAPORAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTARIKH 7HB NOVEMBER 2016 BERTAJUK “LALUAN MUSIBAH”

Berhubung laporan akhbar Sinar Harian yang bertajuk ‘Laluan Musibah’ pada 7 November 2016, Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa berusaha dalam memastikan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna lorong motorsikal Lebuhraya Persekutuan berada dalam keadaan terbaik.

Buktinya, melalui Bajet 2017 yang diumumkan oleh YAB Datuk Seri Najib Razak, Perdana Menteri Malaysia, Kerajaan telah meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM29 juta bagi menaik taraf Lorong Motorsikal Lebuhraya Persekutuan.

Naik taraf berkenaan adalah termasuk untuk mempertingkatkan sistem perparitan dan pembinaan dua struktur jejambat laluan motosikal (*overhead motorcycle ramp*) bagi mengatasi masalah banjir di lorong motorsikal serta menjamin keselamatan penunggang motorsikal. Dijangka secara fizikal, skop kerja jangka panjang ini boleh dimulakan dalam suku tahun pertama 2017.

Ini adalah susulan daripada lawatan kerja oleh YB Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah Haji Yusof ke lorong motorsikal tersebut pada 29 Ogos 2016 yang turut disertai pihak media. Sewaktu lawatan tersebut, YB Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk melaksanakan kerja-kerja jangka masa pendek bagi meningkatkan tahap keselamatan lorong motosikal di laluan ini.

Untuk makluman, lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan FT02 ini adalah sepanjang 28.5 kilometer dan diselenggara oleh empat pihak iaitu DBKL (2.4km) dari kawasan Angkasapuri hingga Mid Valley, Sprint (2km) dari Mid Valley hingga ke pintu Gerbang Kota Ehsan, JKR (8.1km) dari pintu Gerbang Kota Ehsan hingga kawasan Kelab Golf Negara Subang dan

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

seterusnya pihak PLUS (16km) dari kawasan Kelab Golf Negara Subang hingga Bulatan Berkeley, Klang.

Antara usaha-usaha penambahbaikan lorong motosikal di FT2, Lebuhraya Persekutuan adalah seperti :

1. Audit Keselamatan Jalan oleh JKR pada 28hb Julai 2016 bagi kawasan dalam seliaan pihak JKR.
2. Melalui Laporan Audit Keselamatan yang telah dijalankan, JKR sedang melaksana skop utama kerja-kerja jangka masa pendek seperti kerja memasang papan tanda amaran, meningkatkan kadar pencahayaan di kawasan-kawasan gelap, pemasangan 'reflective sticker' di dinding terowong, pemasangan guardrail di kawasan dan selekoh merbahaya, mengecat semula garisan jalan dan garisan tengah, pemasangan roadstud, dan lain-lain lagi. (Secara fizikal kerja ini telah dimulakan pada awal bulan September 2016 dan dijangka siap pada akhir bulan November 2016).
3. Memastikan tahap keselamatan lencongan-lencongan sementara yang dibangkitkan oleh pengadu sentiasa dipantau dan ditingkatkan demi menjamin keselamatan pengguna-pengguna lorong motosikal.
4. Dalam memastikan permukaan jalan di lorong motosikal berkeadaan baik, sebarang aduan pothole atau seumpamanya akan ditampal /dibaiki dalam tempoh 24 jam oleh syarikat konsesi Alloy MTD Sdn Bhd. Malahan pada tahun 2014 dan 2015 sahaja, JKR telah melaksana penurapan semula lorong motosikal dengan kos RM710,000.
5. Bagi menjamin keselamatan pengguna lorong motosikal ini sentiasa berada pada tahap yang memuaskan, kerja-kerja rutin yang lain seperti pemotongan rumput, mencuci longkang, pembentung dan terowong, dan mengred bahu jalan dijalankan setiap masa.
6. Pada tahun 2013 , JKR telah menaiktaraf satu rumah pam di terowong berdekatan Jalan 222 yang ada kalanya ditenggelami air ketika hujan lebat. dengan kos keseluruhan RM1.0 juta. Dengan penaiktarafan rumah pam ini, kejadian terowong tenggelam telah dapat diminimakan. Bagaimana pun, jika hujan terlalu lebat dan turun dalam tempoh masa yang lama, paras air di Sg. Pencala , bersebelahan Lebuhraya Persekutuan akan naik dan akan menghalang air daripada disalurkan ke sungai tersebut. Terdapat juga

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

keadaan di mana paras air sungai tersebut akan 'back flow' ke Lebuhraya Persekutuan. Dalam keadaan ini, keupayaan pam di situ adalah terhad dan kemungkinan terowong ini tenggelam masih ada.

7. JKR akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam mencadangkan sistem perparitan yang lebih menyeluruh di laluan tersebut.
8. Bagi pihak LLM pula, agensi ini sentiasa memantau bgi memastikan syarikat konsesi (PLUS dan KESAS) sentiasa mematuhi semua SOP dan Garis Panduan yang telah ditetapkan. Disamping itu, LLM juga sentiasa membuat Auditan secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.
9. Pihak PLUS sentiasa memantau dan menambahbaik keselamatan di laluan motorsikal di antara Subang hingga Persimpangan Berkeley sepanjang 16 kilometer. Oleh itu rondaan di lakukan setiap 1 jam di laluan utama manakala di laluan motosikal setiap waktu puncak pagi dan petang untuk memastikan keselamatan penunggang-penunggang yang menggunakan lorong motorsikal terjaga.
10. Dalam masa yang sama pihak PLUS juga sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan di antara kerja-kerja naik taraf yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i. Menjalankan kerja penyelenggaraan rutin seperti memotong rumput, pembersihan longkang dan memungut sampah
  - ii. Memasang lampu jalan jenis LED di laluan yang gelap
  - iii. Memasang lampu jenis LED di dalam terowong
  - iv. Mengecat dalam terowong menggunakan cat yang cerah
  - v. Memasang papan tanda amaran yang berkaitan di sepanjang laluan motorsikal
  - vi. Menaik taraf sistem perparitan di sepanjang laluan motorsikal
11. Disamping itu, beberapa tindakan pro-aktif juga telah diambil seperti berikut :
  - i. Menjalankan pemeriksaan secara berterusan di sepanjang lorong motosikal bersama pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) di Lebuhraya Butterworth-Kulim dan Lebuhraya Persekutuan
  - ii. Memasang papantanda peringatan di lokasi-lokasi terpilih

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

iii. Memasang 'rumble strip' bagi tujuan mengurangkan laju di lokasi-lokasi terpilih

iv. Menambahbaik penanda jalan disepanjang laluan motosikal

12. Rondaan oleh anggota peronda (KESAS Ronda) adalah dua puluh empat (24) jam setiap hari mengikut jadual berkala di sepanjang LSA.

13. Langkah-langkah dan tindakan KESAS untuk menangani isu berkenaan adalah seperti berikut:

- i. meningkatkan rondaan rutin di lorong motosikal secara berpasangan dan bukan bersendirian seperti yang dilaporkan,
- ii. menentukan lorong motosikal selamat digunakan setiap pagi dengan rondaan rutin mulai jam 5 pagi dan;
- iii. pemeriksaan dan kerja-kerja seperti pembersihan, penurapan lorong motosikal serta lampu terowong berfungsi dilakukan setiap hari.

14. Dari sudut penyelenggaraan, KESAS membelanjakan lebih kurang setengah juta (RM500,000) setiap tahun dan ini tidak termasuk kerja-kerja penambahbaikan di lorong motosikal. Ini termasuk penambahan jumlah anggota peronda untuk mengatasi masalah ini (dalam tempoh percubaan). Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan keselamatan laluan motosikal dan laluan rondaan berjadual serta operasi 'ad hoc' dijalankan bagi membanteras kegiatan ini dari berulang.

15. KESAS telah membenarkan penunggang motosikal menggunakan laluan utama selepas jam 11:00 malam hingga 6:00 pagi atas tujuan keselamatan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) akan terus komited untuk memastikan tahap keselamatan dan keselesaan lorong motosikal sentiasa di tahap maksima dan akan mencari kaedah-kaedah yang lebih efektif bagi menambahbaik sistem sedia ada sejajar dengan perkembangan dan tuntutan semasa. Segala perancangan juga akan dibuat untuk menjalankan kerja-kerja penambahbaikan aspek keselamatan di laluan ini sebagai mana yang disyorkan dalam laporan Audit Keselamatan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Berikut adalah foto lawatan kerja YB Menteri Kerja Raya ke Lorong Motorsikal Jalan Persekutuan pada 29 Ogos 2016:



Pagar keselamatan yang telah rosak



lencongan sementara di lokasi pembinaan

Dikeluarkan oleh:


**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | [f](#) Kementerian Kerja Raya | [t](#) @MOWorks | [e](#) Pro@kkr.gov.my



Saluran air tersumbat



Tiada pencahayaan di terowong

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Berikut adalah kerja – kerja jangka masa pendek yang telah dijalankan di lorong motosikal kawasan bahagian JKR :-



Kerja pemasangan reflective sticker di dinding terowong dan mengecat garisan jalan di lorong motosikal bagi meningkatkan tahap keselamatan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Pemasangan papan tanda amaran di lorong motosikal.

---


Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my





Mengecat garisan jalan tengah sebagai 'guide' untuk pengguna lorong motosikal bagi memudahkan pemanduan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Mengecat garisan jalan tengah sebagai 'guide' untuk pengguna lorong motosikal bagi memudahkan pemanduan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my





Mengecat garisan jalan tengah sebagai 'guide' untuk pengguna lorong motosikal bagi memudahkan pemanduan.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my





Perkara: Laluan motosikal dibawah penyenggaraan pihak KESAS.



Perkara: Laluan motosikal dibawah penyenggaraan pihak KESAS.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my



Perkara:Penyenggaraan laluan motosikal menggunakan 'road sweeper'



Perkara:Kerja-kerja 'Pavement Rehabilitation' yang telah dilaksanakan.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**7 NOVEMBER 2016**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my